

LEMBAGA PELABUHAN KELANG

**KENYATAAN POLISI ANTIRASUAH**  
**LEMBAGA PELABUHAN KELANG**


Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) sebagai sebuah badan kawal selia pelabuhan di Pelabuhan Klang bertekad untuk memacu pembangunan industri pelabuhan/maritim di Pelabuhan Klang seiring dengan hasrat untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan, mengukuhkan mekanisme tadbir urus terbaik dan memastikan persekitaran kerja yang berintegriti serta bebas rasuah.

Bersesuaian dengan aspirasi nasional untuk dikenali kerana integriti dan bebas rasuah, LPK telah melancarkan Polisi Antirasuah yang bermatlamatkan aspirasi yang sama. LPK komited membentuk Pelabuhan Klang sebagai sebuah pelabuhan berprestij yang dibina dengan integriti dan bebas dari amalan rasuah.

Polisi Antirasuah ini menetapkan parameter untuk mencegah, mengesan dan bertindak balas ke atas sebarang bentuk perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa berkaitan dengan LPK. LPK berjanji mengamalkan toleransi sifar terhadap apa-apa bentuk perlakuan rasuah dan salah guna kuasa dalam melaksanakan kawal selia serta operasinya. Bagi mencapai matlamat bebas rasuah LPK beriltizam untuk:

- i. memastikan pelaksanaan Arahan No. 1 YAB Perdana Menteri Tahun 2018: Permantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan;
- ii. memastikan pelaksanaan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No. 1 Tahun 2019 – Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran LPK: Pembangunan dan Pelaksanaan Pelan Antirasuah LPK (OACP LPK);
- iii. memastikan pelaksanaan pematuhan Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan undang-undang/peraturan berkaitan serta memberi kerjasama penuh kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam membendung segala bentuk perlakuan rasuah di LPK;
- iv. menyediakan saluran dan menggalakkan pelaporan mengenai aktiviti rasuah serta salah guna kuasa menerusi Polisi Pemberi Maklumat (*Whistle Blowing Policy*);
- v. mengenal pasti, mengkaji kelemahan dan menambahbaik sistem dan prosedur kerja yang boleh membuka ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan;
- vi. menghalang, menolak serta menghapus sebarang bentuk permohonan dan permintaan mahupun apa jua tindakan yang dilihat mampu mewujudkan unsur-unsur penyelewengan dan rasuah;
- vii. menyediakan platform untuk memberikan latihan, didikan dan kesedaran terhadap keseriusan kesalahan rasuah, polisi-polisi berkaitannya dan hukuman ke atas pelakunya; dan
- viii. bekerjasama dengan pemegang taruh-pemegang taruh di Pelabuhan Klang sebagai sebuah pelabuhan yang terpilih dan terunggul di Asia di dalam usaha memerangi sebarang bentuk ancaman dan perlakuan jenayah rasuah yang boleh menggugat industri pelabuhan serta menjejaskan imej negara.

Dengan adanya komitmen dan tekad ini, LPK percaya dapat mencapai aspirasinya agar Pelabuhan Klang dikenali di persada antarabangsa dengan prestasi yang cemerlang, berintegriti dan bebas rasuah.



**KAPT. K. SUBRAMANIAM**  
Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Kelang

22 Disember 2020